

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017

3756/3

PRINSIP PERAKAUNAN

PROJEK

TINGKATAN 4

Kertas 3

Ogos – September 2016

-
1. *Kertas ini mengandungi **satu** tugas.*
 2. *Calon wajib melaksanakan tugas tersebut secara individu.*
 3. *Calon hendaklah menyempurnakan projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
 4. *Projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon SPM (Tingkatan 4) dari bulan **Ogos** hingga bulan **September 2016**.*
 5. *Calon dikehendaki mematuhi Jadual Pelaksanaan Tugas Projek yang disediakan untuk memastikan tugas projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
 6. *Calon dinasihatkan membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan tugas dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak.

TUGASAN PROJEK TINGKATAN 4

1. Anda dikehendaki menyediakan satu set akaun yang lengkap berdasarkan dokumen sumber bagi sebuah perniagaan milik tunggal kepunyaan anda yang menjalankan salah satu perniagaan seperti berikut:
 - 1.1 Klinik
 - 1.2 Kedai foto
 - 1.3 Pusat kecantikan
 - 1.4 Bengkel kereta/motosikal

2. Anda perlu mengambil kira maklumat berikut dalam penyediaan akaun anda:
 - 2.1 Maklumat perniagaan
 - (a) Jenis perniagaan : Milik tunggal
 - (b) Status perniagaan : Meneruskan perniagaan
 - (c) Tempoh urus niaga : Sebulan tahun semasa

 - 2.2 Kunci Kira-kira perniagaan anda adalah seperti di bawah.

Perniagaan M
Kunci Kira-kira pada 31 Julai 2016

	RM	RM		RM
Aset Bukan Semasa/ Aset Tetap			Ekuiti Pemilik Modal	X
A	X			
B	X			
C	<u>X</u>		Liabiliti Semasa Pemiutang	X
		X		
Aset Semasa				
Stok	X			
Penghutang	X			
Bank	X			
Tunai	<u>X</u>			
		X		
		<u>XX</u>		<u>XX</u>

Anda perlu menentukan:

- (a) Nama perniagaan
 - (b) Butir dan nilai bagi setiap aset bukan semasa
 - (c) Dua orang penghutang dan dua orang pemiutang
 - (d) Nilai bagi aset semasa, ekuiti pemilik dan liabiliti semasa
 - (e) Jenis dan kuantiti barang niaga hendaklah anda tentukan berdasarkan baki stok awal dalam Kunci Kira-kira
- 2.3 Barang niaga yang digunakan untuk tujuan perkhidmatan hendaklah direkod dalam kad stok tetapi tidak dianggap sebagai satu urus niaga.

 - 2.4 Perniagaan anda hendaklah mematuhi Akta Kerja 1955 : Seksyen 2 yang mewartakan Perintah Gaji Minimum untuk membayar gaji dua orang pekerja.

3. Urus niaga yang terlibat mestilah disokong dengan dokumen yang lengkap berdasarkan garis panduan berikut:

Urus Niaga	Ringkasan	Bilangan Urus Niaga
(a) Catatan Permulaan	Rujuk Kunci Kira-kira	–
(b) Komponen Kos Jualan	- Belian kredit - Belian tunai - Pulangan belian - Angkutan masuk - Insurans atas belian	} 5
(c) Komponen Jualan Bersih	- Hasil perkhidmatan/jualan tunai - Jualan kredit - Pulangan jualan	} 9
(d) Komponen Pembayaran	- Pemiutang - Belanja	} 5
(e) Komponen Penerimaan	- Penghutang - Hasil - Pinjaman	} 3
(f) Perolehan Aset Bukan Semasa/Aset Tetap	- Kredit	} 1
(g) Ambilan	- Tunai/barang niaga	} 1
(h) Catatan Kontra	- Deposit tunai (daripada penerimaan) - Pengeluaran tunai untuk kegunaan perniagaan	} 1
Jumlah urus niaga		25

Nota: Diskaun tunai tidak dianggap sebagai urus niaga.

4. Calon diperuntukkan 8 minggu untuk menyiapkan tugas projek. Penilaian akan dijalankan sepanjang projek dilaksanakan (Ogos – September 2016).
5. **Hasil projek akhir** yang lengkap mesti dikemukakan oleh calon secara individu. Calon juga perlu mengemukakan **evidens proses kerja** bagi projek berkenaan.

6. **Hasil projek akhir** hendaklah dibuat menggunakan komputer dan dicetak dengan mematuhi perkara berikut:
 - 7.1 Saiz kertas : A4
 - 7.2 Saiz fon : 12 pt.
 - 7.3 Jenis fon : *Times New Roman*
 - 7.4 Dokumen perniagaan : Saiz fon, jenis fon dan jarak antara baris adalah mengikut kesesuaian
7. Setiap calon mesti mempamerkan kemahiran komunikasi sama ada dalam bentuk pembentangan projek atau interaksi sepanjang pelaksanaan tugas projek.

TUGASAN TAMAT